Tenaga Nasional Bhd lwn Teong Sheng Industries Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — GUAMAN SIVIL NO 23–4 TAHUN 2008
UMI KALTHUM PK
20 DECEMBER 2010

Utiliti Awam — Elektrik — Caj untuk kegunaan elektrik — Usikan meter elektrik oleh defendan — Meter elektrik yang diusik merekodkan penggunaan elektrik yang kurang daripada sebenar — Sama ada usikan pada meter dibuktikan — Sama ada plaintif berhak menuntut jumlah terkurang caj akibat usikan

Plaintif telah menuntut terhadap defendan jumlah terhutang sebanyak RM2,125,729.61 berserta faedah dan kos akibat usikan (*tampering*) pada pepasangan meter elektrik di kilang perabot milikan defendan. Tuntutan plaintif tersebut adalah berdasarkan empat kali pemeriksaan yang dibuat oleh pihaknya ke atas meter di premis defendan, iaitu, pada 21 Ogos 2003, 13 Januari 2005, 27 Januari 2005 dan 7 Februari 2005. Semasa keempat-empat pemeriksaan tersebut, plaintif telah mendapati terdapat benda asing yang diletakkan pada komponen *test terminal block* atau wayar S1 dan S2 fasa kuning telah diterbalikkan tidak mengikut terminal yang sepatutnya. Ini telah menyebabkan meter tersebut merekodkan bacaan elektrik yang kurang daripada penggunaan sebenarnya. Dalam keempat-empat pemeriksaan tersebut wakil/pekerja defendan telah hadir tetapi enggan memberi nama mereka kepada agen/pengkhidmat plaintif, dan enggan menandatangani borang pemeriksaan yang diisikan oleh agen/pengkhidmat plaintif sebagai pengesahan bahawa pemeriksaan dilakukan dalam kehadiran wakil/pekerja defendan itu. Defendan menafikan bahawa pihaknya telah mengusik meter elektrik itu. Dua isu utama yang berbangkit untuk diputuskan adalah: (i) sama ada berlaku usikan pada pepasangan meter di premis defendan; dan (ii) sama ada plaintif berhak menuntut jumlah terkurang caj sebanyak RM2,125,729.61 akibat usikan itu.

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif:

(1) Memang terdapat usikan meter defendan berdasarkan keterangan saksi plaintif SP1, SP2 dan SP3, dan disokong dengan keterangan dokumentari di ikatan dokumen ID. Kunci bilik *switchboard* ada dalam simpanan defendan dan keempat-empat pemeriksaan itu telah dijalankan dengan kehadiran wakil/pekerja defendan. Pihak yang mendapat keuntungan dengan mengusik meter elektrik itu adalah defendan sendiri dan bukannya plaintif. Usikan meter elektrik itu hanya

boleh dilakukan dengan pengetahuan defendan dan/atau tindakan pihak defendan sendiri. Pembelaan defendan adalah penafian semata-mata (lihat perenggan 14–16).

(2) SP4 dalam kenyataan saksinya telah menunjukkan dengan terperinci bagaimana pengiraan dibuat ke atas bacaan -25% dan -66% secara ralat yang diperoleh semasa pemeriksaan dijalankan bagi mendapatkan jumlah yang dituntut oleh plaintif terhadap defendan. SP4 telah menunjukkan pengiraan semula bagi akaun defendan berdasarkan peratusan kehilangan arus, iaitu, -25% bagi tempoh Ogos 2002 hingga Ogos 2003, dan -66% bagi tempoh September 2003 hingga April 2005. Dokumen tersebut telah menunjukkan jumlah yang telah dibilkan, jumlah bil sebenar dan jumlah terkurang dibil sebanyak RM2,125,729.62. Plaintif telah berjaya membuktikan atas imbangan kebarangkalian tuntutannya berjumlah RM2,125,729.61 terhadap defendan (lihat perenggan 17 & 21).

[**English summary**

The plaintiff claimed against the defendant the amount due of RM2,125,729.61 together with interest and costs for tampering with the installation of the electric meter at the furniture factory owned by the defendant. The plaintiff's claim was based on four inspections by it on the meters at the defendant's premises ie on 21 August 2003, 13 January 2005, 27 January 2005 and 7 February 2005. During all the four inspections, the plaintiff found that there was a foreign material fixed to the test terminal block component or S1 and S2 yellow phase wire had been overturned not in accordance with the appropriate terminal. This had caused the meter to record the meter reading which was lesser than the actual usage. In all the four inspections the defendant's representative/employee were present but had refused to give their name to the plaintiff's agent/servant and refused to sign the inspection forms filled up by the plaintiff's agent/servant as confirmation that the inspection was done in the presence of the defendant's representative/employee. The defendant denied that it had tampered with the electric meter. Two main issues which arose for determination was: (i) whether there was tampering with the meter installation at the defendant's premises; and (ii) whether the plaintiff entitled to claim the amount short charged of RM2,125,729 caused by the tampering.

Held, allowing the plaintiff's claim:

(1) There was tampering of the defendant's meter based on the testimony by the plaintiff's witnesses, SP1, SP2 and SP3, and was supported by the documentary evidence in bundle of documents ID. The keys to the switchboard room were in the defendant's possession and all the four inspections were done in the presence of the defendant's representative/employee. The party who gained from the electric meter

tampering was the defendant itself and not the plaintiff. The tampering of the electric meter could only have been done with the defendant's knowledge and/or the defendant's own act. The defendant's defence was merely a denial (see paras 14–16).

(2) SP4 in his witness statement had shown with detail how the calculation was done on the reading of -25% and -66% by formula which was obtained during the inspection to reach the amount claimed by the plaintiff against the defendant. SP4 had shown the recalculation for the defendant's account based on the percentage of loss of current, ie -25% for the duration of August 2002 until August 2003, and -66% for the duration of September 2003 until April 2005. The documents showed the amount billed, the actual amount and the short amount of RM2,125,729.62. The plaintiff had succeeded to prove on the balance of probabilities its claim of RM2,125,729.61 against the defendant (see paras 17 & 21).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai caj untuk kegunaan elektrik, lihat 10 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2008 Reissue) perenggan 1999.

Izatunlina bt Jamaludin (Shahrizat Rashid & Lee) bagi pihak plaintif.
Chan Sing Khuen (Vincent Hooi & Chan) bagi pihak defendan.

Umi Kalthum PK:

TUNTUTAN

[1] Plaintif telah menuntut terhadap defendan jumlah terhutang sebanyak RM2,125,729.61 beserta faedah dan kos akibat usikan (*tampering*) pada pepasangan meter elektrik di kilang perabot milikan defendan.

FAKTA

[2] Plaintif adalah sebuah syarikat pembekal tenaga elektrik di Malaysia. Atas permintaan defendan dan melalui suatu kontrak bagi bekalan elektrik yang ditandatangani oleh plaintif dengan defendan ('kontrak tersebut'), plaintif telah membekal tenaga elektrik ke premis defendan di PTD 16247, Jalan Muar, Tangkak, Muar, Johor. Defendan adalah pengguna elektrik besar di mana kadar penggunaan elektrik adalah tertakluk kepada tarif yang telah ditentukan oleh plaintif dan dipersetujui oleh defendan.

[3] Pada setiap masa yang material, defendan telah membuat bayaran bagi tenaga elektrik yang telah dibekalkan melalui bil-bil yang diserahkan bagi akaun 773145.

[4] Namun adalah dakwaan plaintif bahawa defendan telah memungkiri syarat-syarat kontrak tersebut apabila defendan telah melakukan usikan pada pepasangan meter elektrik pada premisnya, dan seterusnya telah gagal menjelaskan jumlah terkurang caj yang dituntut oleh plaintif berjumlah RM2,125,729.61.

[5] Tuntutan plaintif tersebut adalah berdasarkan empat kali pemeriksaan yang dibuat oleh pihaknya ke atas meter di premis defendan, iaitu, pada 21 Ogos 2003 (pemeriksaan pertama), 13 Januari 2005 (pemeriksaan kedua), 27 Januari 2005 (pemeriksaan ketiga) dan 7 Februari 2005 (pemeriksaan keempat).

Pemeriksaan pada 21 Ogos 2003

[6] Pada 21 Ogos 2003, plaintif melalui agen/pengkhidmatnya telah melakukan pemeriksaan rutin terhadap meter elektrik defendan dengan kehadiran wakil/pekerja defendan. Hasil pemeriksaan, plaintif dapati terdapat benda asing, iaitu, dawai yang diletakkan pada komponen *test terminal block* ('TTB'). Akibat usikan itu, meter defendan tidak dapat berfungsi dengan baik dan sempuma serta gagal merekodkan bacaan yang tepat selaras dengan bekalan elektrik yang dibekalkan pada setiap masa yang material. Hasil ujian yang dijalankan ke atas meter defendan, plaintif mendapati bahawa meter tersebut telah gagal merekodkan bacaan elektrik sebanyak -25% secara purata akibat gangguan serta usikan tersebut. Pihak plaintif telah menukar TTB yang diusik kepada TTB yang baru dan ujian kejituan jangka telah dibuat ke atas TTB itu dan didapati meter itu berada dalam keadaan baik dan bacaan ralat tidak melebihi +-0.5%.

Pemeriksaan pada 13 Januari 2005

[7] Pada 13 Januari 2005, plaintif melalui agen/pengkhidmatnya telah menjalankan pemeriksaan ke atas meter di premis defendan itu dengan kehadiran wakil/pekerja defendan. Hasil pemeriksaan plaintif telah mendapati bahawa, setelah ujian kejituan jangka dibuat untuk mengambil bacaan arus, wayar S1 dan S2 fasa kuning telah diterbalikkan tidak mengikut terminal yang sepatutnya. Plaintif telah mensilkan semula pintu kiosk dan TTB bagi melakukan pemeriksaan lanjut terhadap usikan yang dilakukan. Hasil ujian yang dijalankan ke atas meter defendan, plaintif mendapati bahawa meter itu telah gagal merekodkan bacaan elektrik sebanyak -66% secara purata akibat gangguan serta usikan tersebut.

Pemeriksaan pada 27 Januari 2005

[8] Plaintif melalui agen/pengkhidmatnya telah melakukan pemeriksaan

lanjut ke atas meter di premis defendan pada 27 Januari 2005 dengan kehadiran wakil/pekerja defendan. Hasil pemeriksaan plaintif telah mendapati sil pada pintu kiosk yang disil oleh plaintif pada 13 Januari 2005 telah diusik lagi sekali. Plaintif telah memperbetulkan kedudukan wayar S1 dan S2 fasa kuning yang telah terbalik sebelum itu dan mensilkan semula pintu kiosk tersebut. Ujian telah dilakukan dan hasil ujian menunjukkan bacaan wayar S1 dan S2 fasa kuning adalah baik dan berada dalam kedudukan asal. Akibat usikan tersebut, meter defendan tidak dapat berfungsi dengan baik dan sempurna dan gagal merekodkan bacaan yang tepat selaras dengan bekalan elektrik yang dibekalkan pada setiap masa yang material. Plaintif telah mendapati meter tersebut telah gagal merekodkan bacaan elektrik sebanyak -66% secara purata akibat gangguan/usikan itu.

Pemeriksaan pda 7 Februari 2005

[9] Plaintif telah membuat pemeriksaan keempat pada 7 Februari 2005 ke atas meter di premis defendan dengan kehadiran wakil/pekerja defendan. Apabila plaintif menjalankan ujian kejituan jangka untuk mengambil bacaan arus, plaintif mendapati bacaan elektrik telah gagal direkodkan. Hasil pemeriksaan lanjut menunjukkan terdapatnya benda asing berupa 'copper plate telah diselitkan pada TTB. Apabila 'copper plate' itu dikeluarkan dan bacaan diambil, didapati bacaan meter adalah dalam keadaan normal, iaitu, tidak melebihi +-0.5%.

[10] Dalam kesemua keempat-empat pemeriksaan tersebut wakil/pekerja defendan telah enggan memberi nama mereka kepada agen/pengkhidmat plaintif, dan enggan menandatangani borang pemeriksaan yang diisikan oleh agen/pengkhidmat plaintif sebagai pengesahan bahawa pemeriksaan dilakukan dalam kehadiran wakil/pekerja defendan itu.

[11] Bagi defendan, ia telah membuat bayaran kesemua bil elektrik bulanan defendan pada semua masa material dan menafikan bahawa pihaknya telah mengusik meter elektrik itu. Defendan juga menafikan bertanggungjawab membayar jumlah caj tuntutan plaintif itu.

[12] Plaintif telah memanggil empat orang saksi, manakala defendan telah memanggil dua orang saksi.

ISU YANG DIBANGKITKAN

[13] Terdapat dua isu utama yang perlu diputuskan, iaitu:

(a) sama ada berlaku usikan pada pepasangan meter di premis defendan?

(b) sama ada plaintif berhak menuntut jumlah terkurang caj sebanyak

RM2,125,729.61 akibat usikan itu?

SAMA ADA BERLAKU USIKAN METER DEFENDAN

[14] Adalah dapatan fakta saya bahawa memang terdapatnya usikan meter defendan itu berdasarkan keterangan saksi plaintif SP1, SP2 dan SP3, dan disokong dengan keterangan dokumentari di ikatan dokumen ID.

(a) SP1 adalah juruteknik tingkatan biasa dan telah berkhidmat dengan plaintif selama 31 tahun. Tugas beliau adalah untuk memasang, memeriksa, menukar dan melakukan ujian ke atas meter elektrik pengguna LPC voltan tinggi. Mengikut SP1, pada 21 Ogos 2003 beliau telah pergi ke premis defendan bersama SP2 untuk melakukan pemeriksaan rutin ke atas meter elektrik defendan. Hasil pemeriksaan, beliau dapati wayar asing diletakkan pada TTB. SP1 kemudian telah menukar TTB yang diusik kepada TTB yang baru. Selepas ditukar SP1 melakukan ujian kejituan jangka dan mendapati ralat tidak melebihi +-0.5%, yang menunjukkan meter dalam keadaan yang baik. Sebelum TTB diganti, hasil ujian bacaannya sebanyak -25%. Keterangan SP1 disokong dengan dokumen-dokumen di ms 27–31, ID.

(b) Keterangan SP1 itu juga disokong dengan gambar-gambar yang diambil oleh SP2 di ms 32–39 ID, dan juga oleh keterangan SP3.

(c) SP2 telah juga mengambil gambar-gambar usikan meter defendan itu di ms 50–68 dan 79–106, ID.

(d) SP3 adalah juruteknik tingkatan biasa dan telah berkhidmat dengan plaintif selama sepuluh tahun. Tugas beliau adalah untuk memasang memeriksa, menukar dan melakukan ujian ke atas meter elektrik pengguna LPC. Beliau ada hadir bersama-sama dengan SP1 di premis defendan semasa pemeriksaan pertama dilakukan. Beliau turut hadir semasa pemeriksaan kedua, ketiga dan keempat dijalankan. Saya terima keterangan SP3 sebagai yang benar atas imbangan kebarangkalian berbanding dengan keterangan saksi-saksi defendan SD1 dan SD2 apabila beliau menyatakan bahawa:

    (i) kunci bilik *switchboard*, di mana meter elektrik itu berada, pada setiap masa dipegang oleh defendan sendiri, dan apabila pihak plaintif telah hadir di premis defendan, pihak plaintif telah meminta bilik *switchboard* itu dibuka untuk melakukan pemeriksaan;

    (ii) beliau telah meminta defendan hadir bersama-sama melihat pemeriksaan dilakukan dan wakil/pekerja defendan ada hadir bersama-sama sebagaimana yang terdapat dalam gambar-gambar di ms 32, 35, 37, 38, 66, ID;

(iii) pekerja/wakil defendan yang hadir bersama-sama semasa pemeriksaan-pemeriksaan dijalankan enggan memberi nama mereka dan enggan menandatangani borang pemeriksaan itu;

(iv) semasa *pemeriksaan pertama* dijalankan, beliau telah melakukan ujian kejituan untuk mengambil bacaan arus dan dapati bacaan elektrik sebanyak -25% secara ralat telah gagal direkodkan; beliau telah menjumpai benda asing dalam bentuk wayar pada TTB antara terminal bernombor 2 dan 3; 5 dan 6; 8 dan 9 (gambar ms 33, 34 dan 35, ID); beliau telah merekodkan segala kejanggalan serta ujian yang dilakukan dalam borang pemeriksaan (ms 22–25, ID); wayar / benda asing yang didapati itu sepatutnya tidak ada di tempat antara terminal itu;

(v) penjelasan yang diberi mengenai bagaimana test set/mesin ralat berfungsi sehingga bacaaan peratusan diperolehi, iaitu, -25%, di mana bacaan itu dikeluarkan secara automatik kerana meter sudah disetkan oleh pembekalnya. Bahawa alat ini dibekalkan dengan bacaan peratusan;

(vi) apabila TTB itu telah ditukar dengan yang baru, dan ujian kejituan dijalankan, ia menunjukkan bacaan +-0.5% berbanding -25% sebelum TTB yang telah diusik ditukar;

(vii) semasa *pemeriksaan kedua* dijalankan, setelah pintu *switchboard* yang berkunci dibuka oleh pihak defendan, SP3 telah mengambil bacaan meter *test set* dan dapati bacaan *active power* pada fasa kuning yang sepatutnya menunjukkan bacaan positif telah menunjukkan bacaan negatif. Setelah SP3 membuat pemeriksaan dalaman panel meter beliau telah mendapati wayar kuning S1 dan S2 adalah terbalik dalam kedudukan dalam gambar kedua dan ketiga di ms 58, ID, iaitu, tidak mengikut terminal yang sepatutnya. Akibat usikan ini bacaan meter telah menjadi kurang;

(viii) setelah memaklumkan kejanggalan yang dijumpai semasa pemeriksaan kedua itu kepada defendan, SP3 telah mensilkan semula pintu kiosk dan TTB bagi melakukan pemeriksaan lanjut;

(ix) pada *pemeriksan yang ketiga* dijalankan, iaitu sebagai pemeriksaan susulan kepada pemeriksaan kedua di mana kejanggalan telah dijumpai pada 13 Januari 2005, SP3 telah mendapati pintu kiosk yang disil olehnya pada 13 Januari 2005 telah diusik semula (lihat gambar di ms 50, berbanding dengan gambar pintu yang telah disilkan pada 13 Januari 2005 di ms 51, ID). SP3 kemudian telah membetulkan semula S1 dan S2 fasa kuning yang terbalik dan mensilkan semula panel meter. Hasil ujian test set menunjukkan bacaan baik, iaitu, +31 dan +12 yang bermakna wayar S1 dan S2 fasa kuning itu berada dalam kedudukan asal;

(x) semasa *pemeriksaan keempat* dijalankan, SP3 telah menjumpai benda asing dalam bentuk 'copper plate' telah diselitkan pada TTB seperti yang kelihatan dalam gambar di ms 79 dan 82, ID. SP3 menjelaskan benda asing tersebut hanya boleh dilihat apabila *cover terminal* dibuka. Apabila 'copper plate' itu dikeluarkan dan bacaan diambil, didapati bacaan meter adalah dalam keadaan normal, iaitu, tidak melebihi +-0.5%. Sebelum copper plate dikeluarkan dan apabila SP3 melakukan ujian kejituan jangka untuk mengambil bacaan arus, hasil ujian menunjukkan terdapat bacaan elektrik yang gagal direkodkan.

[15] Memandangkan kunci bilik *switchboard* adalah dalam simpanan defendan, saya terima keterangan saksi-saksi plaintif bahawa keempat-empat pemeriksaan itu telah dijalankan dengan kehadiran wakil/pekerja defendan, dan saya menerima hujahan peguam cara plaintif bahawa pihak yang mendapat keuntungan dengan mengusik meter elektrik itu adalah defendan sendiri dan bukannya plaintif, maka saya mendapati bukan sahaja terdapat usikan pada meter elektrik itu tetapi juga bahawa usikan meter elektrik itu hanya boleh dilakukan dengan pengetahuan defendan dan atau tindakan pihak defendan sendiri. Di sini adalah signifikan bagi saya keterangan saksi defendan SD1 dan SD2, bahawa kunci bilik *switchboard* disimpan oleh pengawal keselamatan kilang defendan dan bahawa jurutera perunding yang membuat pemeriksaan untuk membuat penyelenggaraan perkara elektrik dan technician defendan ada akses kepada kunci bilik *switchboard* itu.

[16] Pembelaan defendan adalah penafian semata-mata.

SAMA ADA PLAINTIF BERHAK MENUNTUT JUMLAH TERKURANG CAJ SEBANYAK RM2,125,729.61 AKIBAT USIKAN ITU

[17] Bagi isu ini, pihak plaintif telah bergantung kepada keterangan SP4, yang merupakan penolong pengurus (hal ehwal komersial) plaintif dan telah berkhidmat dengan plaintif selama 12 tahun. Bidang tugas beliau adalah untuk memantau akaun-akaun pengguna meter dan melakukan pengiraan bil ke belakang bagi kes-kes kecurian arus. SP4 dalam kenyataan saksinya P4 telah menunjukkan dengan terperinci bagaimana pengiraan dibuat ke atas bacaan -25% dan -66% secara ralat yang diperolehi semasa pemeriksaan dijalankan bagi mendapatkan jumlah yang dituntut oleh plaintif terhadap defendan. SP4 telah merujuk kepada ms 107–108, ID untuk menunjukkan pengiraan semula bagi akaun defendan berdasarkan peratusan kehilangan arus, iaitu, -25% bagi tempoh Ogos 2002 hingga Ogos 2003, dan -66% bagi tempoh September 2003 hingga April 2005. Dokumen tersebut telah menunjukkan jumlah yang telah dibil, jumlah bil sebenar dan jumlah terkurang di bil sebanyak RM2,125,729.62.

[18] Semasa pemeriksaan balas, SP4 telah disoal mengapa beliau telah memilih jangka masa 14 bulan dari Jun 2002 hingga Ogos 2003 untuk ralat -25%. SP4 telah menjawab beliau sebenarnya mengambil tempoh 12 bulan mulai 26 Jun 2002 hingga 26 Ogos 2003 dan telah mengambil Ogos 2002 kerana terdapat penurunan bil elektrik dalam bulan tersebut berbanding dengan bulan Jun dan Julai 2002 seperti yang diplotkan dalam graf di ms 112, ID.

[19] Mengenai bagaimana ralat -66% diperolehi oleh SP4, SP4 telah menyatakan semasa pemeriksaan balas:

> Daripada tempoh 26 September 2003 sehingga 26 Februari 2005 ralat -66% diperolehi berdasarkan cara usikan meter telah ditemui di mana apabila satu fasa diterbalikkan wayar ia akan menyebabkan bacaan tersebut menjadi negatif. TNB membekalkan tiga fasa. Apabila satu fasa negatif ataupun -33.33% bermakna hanya 1 fasa sahaja direkodkan oleh meter manakala — 66.66% tidak direkodkan seperti jawapan nombor 21. Kerana satu wayar positif dan telah tolak satu wayar negatif bagi fasa yang satu lagi — jadi tiada *reading* untuk dua fasa itu. Walaupun wayar untuk satu fasa diterbalikkan ianya akan mengefekkan wayar yang satu lagi, sebab itu saya menyatakan hanya satu fasa sahaja bacaan diperolehi.

[20] SP4 seterusnya mengesahkan bahawa geraf di ms 112, ID menunjukkan penggunaan yang betul dan menepati ramalan penggunaan sebenar defendan selepas meter yang diusik ditukar.

[21] Saya menerima keterangan SP4 sebagai yang benar dan berdasarkan bacaan ralat yang dibuat oleh SP1 dan SP3 semasa pemeriksaan-pemeriksaan dan ujian-ujian itu dijalankan dan saya menerima pendekatan SP4 membuat perkiraan-perkiraan itu untuk menghasilkan jumlah yang dituntut oleh plaintif itu terhadap defendan. Dengan itu saya mendapati plaintif telah berjaya membuktikan atas imbangan kebarangkalian tuntutannya berjumlah RM2,125,729.61 terhadap defendan itu.

[22] Di samping ini saya menolak keterangan SD1 dan SD2 yang telah cuba memberi keterangan seolah-olahnya defendan tidak mungkin dapat menggunakan kuasa elektrik begitu banyak. SD1 telah mengaku beliau hanya 'jaga sumber manusia' dan tidak tahu menahu tentang bilangan dan penggunaan mesin yang ada di kilang defendan, usikan pada pepasangan meter dan bil-bil elektrik defendan. SD2 adalah pengurus pentadbiran di kilang defendan. SD2 telah cuba memberi keterangan seolah-olah beliau mengetahui tentang selok-belok hal syarikat defendan:

> My job encompass a lot of things, everything about administration except production and accounts. The rest of the things I do.

Apabila beliau disoal balas dengan lebih terperinci tentang bidang tugasnya dan pengetahuannya berkenaan dengan perniagaan defendan di kilang itu beliau telah memberi jawapan yang tidak menentu dan adakala cuma dapat memberi jawapan beliau tidak tahu. Misalan-misalannya adalah seperti berikut:

Q: Apa jenis kilang defendan?

A: Furniture factory.

Q: Berapa banyak mesin?

A: Banyak. Lebih kurang very big question. I don't know because I'm not in production.

Q: Adakah kilang beroperasi 24 jam?

A: Sebahagiannya.

Q: Adakah kamu tahu pada satu-satu masa berapa banyak machine berjalan?

A: Tidak tahu.

Q: Bayaran bil elektrik itu bawah tanggungjawab kamu?

A: Bayar bil bukan saya. Tapi saya terima bil TNB, saya check, kalau tiada problem dengan figures, saya submit kepada akaun.

Q: Setujukah apabila meter diusik bil elektrik yang perlu dibayar adalah rendah?

A: Sorry, I'm not in this line. I don't know if tampered it would affect the bill.

Oleh itu saya dapati sebahagian besar keterangan SD2 tidak boleh dipercayai, lebih-lebih lagi keterangan beliau tidak disokong dengan bukti-bukti dokumentari apabila beliau, misalnya, telah menyatakan:

> Because if use more (*electricity*) doesn't mean our sales would drop or our sales go higher because our sales do not depend on the use electricity only. We can buy products fo sell, need not necessarily produce all products in the factory.
>
> The electricity consumption is not the sale element of the profit. Have other factors such as our efficiency, our sales margin that is the sale price.

[23] Lagipun penggunaan kuasa elektrik yang tinggi yang didapati oleh plaintif oleh defendan itu adalah tidak menghairankan memandangkan sudah pun dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa defendan adalah pengguna

elektrik besar.

KESIMPULAN

[24] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, saya dapati plaintif telah berjaya membuktikan tuntutannya terhadap defendan dan dengan itu saya membenarkan tuntutan plaintif di *prayer* (a) dan (b) dengan kos sebanyak RM15,000.

Tuntutan plaintif dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum